

PUBLIC ADMINISTRATION SERVICES
TRANSFORMATION INITIATIVES (PASTI)
PROGRAM 2012-2013

KANDUNGAN

1	• Sekapur Sirih
2	• Pengenalan PASTI JPA 2012 -2013
3	• PASTI KPI 2012
4	• PASTI KPI 2013
5	• KPI Khas daripada JPM
6	• Non KPI 2013
7	• Hala Tuju

SEKAPUR SIRIH

Bismillahi Rahman Nirahim,



Alhamdulillah, Rabbil 'Alameen Wasaaltu Wassalamu 'Ala Asyrafil Ambiaie Walmursaleen, Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajama'een.

Assalamualaikum Warah Matullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera.

Dengan penuh hormat dan takzim, peramba/saya ingin mengongsikan perancangan dan usaha yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui *Program Public Administration Services Transformation Initiatives* (PASTI) kearah usaha Jabatan ini untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya.

Kearah mempersiapkan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk merealisasikan misi dan visinya yang berpaksikan kepada tema strategik Jabatan iaitu; Pembangunan; Pengurusan; dan Perancangan sumber manusia, satu program yang dikenali sebagai program "*Public Administration Services Transformation*" PASTI, telah diwujudkan pada awal tahun 2012.

Pada tahun 2012, JPA telah membuat sasaran bagi menggerakkan Jabatan ini untuk maju setapak kehadapan di mana inisiatif atau program tersebut adalah bertujuan untuk membuat perubahan yang praktikal kearah memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Dengan adanya program PASTI ini, Jabatan ini dapat mengenalpasti isu dan mencari penyelesaian yang strategik disamping mengetahui sejauh mana ia berkesan dalam mencapai sasaran.

Setahun telah berlalu, program PASTI telah berjaya dilaksanakan, dimana ada sebahagian besarnya berjaya mencapai sasaran 3 feet dan tidak juga dinafikan ada yang belum mencapai sasaran tersebut, Walhal, ini bukannya perkara yang mudah untuk dilaksanakan kerana ia memerlukan komitmen dan faktor-faktor diluar kawalan Jabatan ini.

Akan tetapi apa yang penting pada permulaan program ini ialah ia membawa perubahan kepada tatacara kita bekerja supaya akan lebih teratur, terarah, telus serta mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan. Perubahan ini sudah setentunya akan dapat mencetuskan semangat untuk lebih giat berusaha dikalangan pegawai-pegawai dan setentunya akan memberikan cabaran dalam merealisasikan kebolehan masing-masing terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan.

Pada tahun 2013 ini, JPA telah merangka satu lagi inisiatif melalui program PASTI yang lebih mencabar dan yang mana diharapkan akan dapat memberikan kesan yang lebih bermakna kepada pekrhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

Disamping itu KPI 2013/2014 ini adalah dikira sebagai satu 'milestone' bagi JPA kerana pada kali ini ianya dibuat dengan mengambil kira perbincangan dan 'input' dan sasaran yang diberikan oleh pihak JPM. Dengan adanya 'input' dan panduan terancang daripada pihak JPM, sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat pegawai-pegawai Jabatan ini untuk meningkatkan lagi usaha-usaha kearah mencapai KPI yang telah ditentukan.

Perlaksanaan KPI ini adalah merupakan kaedah terhadap pembaikan dan pembaharuan terhadap program kerja di JPA dari tahun sebelumnya. Permulaan KPI ini mungkin tidak sempurna pada awalnya akan tetapi ia adalah satu permulaan yang baik dan daripada itu, ia akan dapat diperbaiki dari tahun ke setahun

Komitmen dan kerjasama dari semua pegawai JPA dan juga orang-orang yang berkepentingan adalah amat diperlukan dalam memastikan pemantauan terhadap inisiatif tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna bagi mendokong aspirasi negara. Setiap pegawai dan kakitangan perlulah memahami akan peranan dan tanggungjawab masing-masing dan akan sentiasa mempunyai akauntabiliti terhadap tugasnya. Peramba/saya percaya KPI yang telah ditentukan dalam program PASTI 2013/2014 akan dapat dicapai dengan adanya sikap tanggungjawab, memahami akan peranan dan tanggungjawab masing-masing, Insya Allah.

Akhir sekali, peramba/saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak JPM, semua ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai termasuk ahli sekretariat Unit Pengurusan Strategik (UPS) dalam menghasilkan program PASTI 2013/2014.

Sekian, Wabillahit Taufiq Wal Hidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi WabarakatuH

Jaini bin Haji Abdullah
Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
2013

Pengenalan PASTI JPA

Pengenalan PASTI JPA

Jabatan Perkhidmatan Awam memainkan peranan penting dalam merealisasikan **Wawasan 2035**, terutamanya dalam matlamat:

‘Rakyat Berjaya, Berpendidikan Tinggi dan Berkemahiran Tinggi’.

Salah satu teras strategi pembangunan RKN10(2012-2017), iaitu **‘Urustadbir Yang Baik (Good Governance) dan Pemodenan Kerajaan’** menekankan kepentingan **warga perkhidmatan awam yang professional**.

Oleh itu, visi dan misi Jabatan ini berhubungkait rapat dengan matlamat Wawasan Negara dan juga dalam Rancangan Kemajuan Negara, dalam menjalankan tugasnya sebagai agensi utama dalam pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam.

Visi Jabatan Perkhidmatan Awam

Visi Jabatan Perkhidmatan Awam, ialah **‘Kearah Perkhidmatan Awam Yang Dinamik dan Inovatif’.**

Dinamik mencerminkan inisiatif dan kesediaan untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam melaksanakan dasar-dasar, proses dan prosedur dalam sistem pentadbiran untuk memastikan tadbir urus yang baik yang berterusan dalam perkhidmatan awam.

Manakala, **Inovatif** menandakan hasrat untuk menjana, menggubal dan melaksanakan idea-idea baru dan pada masa yang sama beralih ke arah dimensi yang lebih tinggi dalam produktiviti dan kecekapan.

Misi Jabatan Perkhidmatan Awam

Dalam mencapai visinya, Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai misi iaitu '**Untuk menyediakan perancangan yang sistematik, mengurus dan membangunkan sumber manusia yang kompeten dalam perkhidmatan awam**'

Teras Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam

Karah merealisasikan visi dan misi tersebut selaras dengan Wawasan 2035, Jabatan Perkhidmatan Awam berpandukan kepada **tiga teras strategik utama** dengan fokus kepada sumber manusia iaitu:

- **Pembangunan Sumber Manusia**, 'Untuk terus membangun dan meningkatkan, kepimpinan, kapasiti, kualiti dan kecekapan penjawat awam'
- **Pengurusan Sumber Manusia**, 'Untuk meningkatkan dan mengukuhkan pengurusan sumber manusia'

- **Perancangan Sumber Manusia,** *'Untuk membangunkan pelan dan memandu hala tuju masa depan kepada pembangunan sumber manusia'*

Unit Pengurusan Strategik (UPS)

Unit Pengurusan Strategik telah diwujudkan daripada kumpulan pemikiran strategik (*think tank*) pada 19 Januari 2012 untuk memantau dan mengkoordinasikan program – program inisiatif JPA bagi menguruskan pelaksanaan projek – projek salah satunya *Public Administration Services Transformation Initiatives* (PASTI) program – KPI.

Program PASTI

Dengan wujudnya Unit Pengurusan Strategik yang mana bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek-projek, program PASTI telah mula diperkenalkan bagi memastikan kelancaran projek – projek berkenaan. Ianya merupakan salah satu projek pembaharuan yang dikendalikan oleh Unit Pengurusan Strategik bagi meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan kecekapan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai sebuah *lead agency* dalam perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Kejayaan program PASTI ini diharap akan dapat dijadikan sebagai satu projek tahunan Jabatan Perkhidmatan Awam dan diharap akan dapat dijadikan contoh kepada agensi-agensi kerajaan yang lain.

Objektif Program

- Untuk meningkat produktiviti, keberkesanan dan kecekapan Jabatan melalui perkhidmatan yang cemerlang;
- Untuk memberi impak yang signifikan kepada kualiti perkhidmatan;
- Untuk menjadikan tugas-tugas yang dijalankan berorientasikan daripada proses kepada hasil (*process oriented to outcome oriented activities*).

- Untuk menghasilkan *Key Performance Indicators (KPI)* bagi projek/ program / aktiviti Jabatan

Tindakan PASTI



Hubungan UPS dengan Kordinator setiap bahagian

Untuk pelaksanaan dan pemantauan yang efektif, UPS kordinator daripada setiap bahagian akan dilantik bagi mewakili bahagian mereka. Tugas-tugas kordinator adalah untuk follow-up dan kordinat dengan pegawainya dan seterusnya memberi laporan rumusan bagi setiap bulan, KPI quarterly report (setiap 3 bulan sekali) dan laporan tahunan KPI.

PASTI KPI 2012

P ASTI KPI 2012

25

1.1. Sebanyak **25** *Key Performance Indicator (KPI)* yang telah dikenalpasti dalam mengukur prestasi setiap bahagian di Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tahun 2012.

1.2. KPI-KPI yang telah disukat dan dikira dibahagikan mengikut kategori-kategori seperti berikut:

- Berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet.
- Berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.
- Belum mencapai sasaran seperti yang ditetapkan.

1.3. Penggunaan warna lampu isyarat digunakan bagi peratus pencapaian seperti berikut:

WARNA LAMPU ISYARAT	% TAHAP PENCAPAIAN
HIJAU	75% ke atas
KUNING	50 – 60%
MERAH	Di bawah 50%

1.4. Perkiraan KPI adalah didapati daripada penggunaan mekanisma 3 feet implementation. Ia merupakan mekanisma dimana setiap KPI adalah dikira mengikut langkah – langkah setiap aktiviti kerja di bawah satu-satu KPI.

1.5. Setiap langkah tindakan akan dipertanggungjawabkan oleh tiga peringkat yang bertanggungjawab bagi setiap aktiviti kerja dimana setiap langkah mempunyai sasaran tarikh mula dan sasaran tarikh tamat.

PELAN TINDAKAN 3 FEET IMPLEMENTATION									
BAHAGIAN		Bahagian Pembangunan dan Pengurusan (HB)							
PEMILIK/ KETUA		Haji Mohd. Fadzil bin Haji Mohd. Salleh							
PEGAWAI KORDINATOR									
KPI		Program EDPSGO			SASARAN KERJA		Untuk mengadakan program EDPSGO sebanyak dua (2) kali pada bulan Februari dan June 2013		
BIL.	LANGKAH TINDAKAN	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB			SASARAN JANGKAMASA		TAHAP PENCAPAIAN		STATUS
		P 1	P 2	P 3	TARIKH MULA	TAMAT	SASARAN	% PENCAPAIAN	
1									
2									
3									

1.6. Merujuk pada Rajah 1, status pencapaian bagi jumlah keseluruhan KPI, yang telah disasarkan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam. Daripada 25 KPI yang dipantau oleh Unit Pengurusan Strategik (UPS), sebanyak:

- Tujuh (7) KPI berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet
- 13 KPI berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.
- Lima (5) KPI belum selesai dilaksanakan dan tersasar daripada 3 feet.

Rajah 1: Status Pencapaian bagi jumlah keseluruhan KPI yang disasarkan bagi JPA.



Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

- 1.7. Peratus perkembangan keseluruhan KPI bagi semua bahagian bagi tahun 2012 ialah 85.23% (perkiraan ini didapati daripada peratus pelan tindakan 3 feet bagi setiap KPI).
- 1.8. KPI-KPI yang telah dikategorikan adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Status pencapaian bagi setiap KPI yang telah disasarkan:

Berjaya Dilaksanakan Mengikut Sasaran 3 Feet	Berjaya Dilaksanakan Tetapi Tersasar Daripada Sasaran 3 Feet.	Belum Selesai Dilaksanakan Dan Tersasar Daripada 3 Feet.
Mengadakan EDPMMO 2 kali setahun;	Menyediakan 1 kertas kerja untuk mewujudkan unit perhubungan awam.	Dasar baru
Peperiksaan BAS.	Mengadakan Program EDPSGO 3 Kali setahun	Menyediakan satu kertas kerja bagi cadangan menamatkan perkhidmatan.
Skim Perkhidmatan	Peperiksaan GO & FR	Mengisi semua flat kerajaan yang kosong
Restructuring.	Menyediakan Garispandu Pengambilan Pekerja Hari bagi peruntukan berulang-ulang.	Menyertai Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) peringkat JPM
Menyediakan garispanduan untuk Rancangan Penggantian	Mengemaskini Buku Garis Panduan Latihan Dalam Perkhidmatan Luar Negeri	Menulis artikel mengenai isu-isu di tempat kerja untuk dicetak di suratkhobar sebanyak 4 kali.
Mengadakan jerayawara bagi warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selesai pada bulan April 2012.	Mengadakan jerayawara bagi pengambilan pekerja bergaji hari, penetapan jawatan dan sokongan berkhidmat secara open vote.	
Perlaksanaan Program Al-Insyirah pada bulan Julai 2012.	Penyediaan Kertas Kerja Pusat Sumber Maklumat JPA	
	Tanggungaji dan Syarat Perkhidmatan	
	Menyediakan sebanyak 3 laporan audit tenaga manusia	
	Menyediakan Panduan Tatatertib	

Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

Berjaya Dilaksanakan Mengikut Sasaran 3 Feet	Berjaya Dilaksanakan Tetapi Tersasar Daripada Sasaran 3 Feet.	Belum Selesai Dilaksanakan Dan Tersasar Daripada 3 Feet.
	<p>Menyediakan satu buku panduan manual perumahan</p> <p>Mengadakan Jerayawara bagi bahagian personel.</p> <p>Menyediakan kertas konsep 'revitalizing BPK structure'</p>	

- 1.8. Peratus perkembangan KPI bagi semua bahagian adalah seperti yang tertera di Jadual 2 bawah:

Jadual 2: Peratus perkembangan KPI bagi semua bahagian

Bahagian di bawah JPA	Jumlah Peratus Perkembangan KPI
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan	84.2 %
Bahagian Pentadbiran Latihan dan Keanggotaan	100%
Bahagian Penyelidikan dan Perancangan	93.2%
Bahagian Perkhidmatan Personnel	80.6%
Bahagian Perkhidmatan Kaunseling	80.1%
Bahagian GEMS	73.3%
JUMLAH KESELURUHAN	85.23%

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan

84.2% pencapaian keseluruhan bagi Bahagian

Pembangunan dan Pengurusan telah menggambarkan **5 KPI** yang dicatatkan telah

berjaya dilaksanakan dimana **2 KPI berjaya mengikut**

sasaran dan **3 KPI** tersasar daripada sasaran **3 feet** bagi tahun 2012.

- “2 KPI yang berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet ialah:*
- Mengadakan EDPMMO 2 kali setahun*
 - Peperiksaan BAS”*

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 1	Menyediakan 1 kertas kerja untuk mengwujudkan unit perhubungan awam.	1 kertas kerja untuk disiapkan bagi bulan Ogos 2012.	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	55.0%	Kertas kerja tersebut tersasar dari sasaran kerana perancangan telah beralih untuk menubuhkan Unit Hal Ehwal Korporat (UK) yang merangkumi tugas-tugas unit perhubungan awam.
KPI 2	Mengadakan Program EDPSGO 3 Kali setahun	Jan-Mac 12 Mei-Jul 12 Okt-Dis 12	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	66.0%	Program EDPMMO kali ke 18 bagi bulan disember tersasar dari perancangan awal, disebabkan pemilihan calon-calon direbiu semula oleh JPM dan telah mempengaruhi Pelan Tindakan 3 Feet. Program ini berjaya dilaksanakan pada 12 Januari 2013.
KPI 3	Mengadakan EDPMMO 2 kali setahun	Feb-Apr 2012 Jun-Jul 2012	Berjaya dilaksanakan mengikut 3 feet	100%	Program ini berjaya dilaksanakan mengikut sasaran yang telah ditetapkan.

Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 4	Peperiksaan GO & FR	24 kali setahun	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	100%	Peperiksaan GO & FR telah tersasar dari sasaran dan telah dilaksanakan sebanyak 12 kali. Ini adalah disebabkan faktor -faktor diluar kawalan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> - ketiadaan calon untuk mengikuti peperiksaan tersebut berikutan daripada titah KDYMM mengenai pengecualian pegawai kerajaan untuk mengikuti peperiksaan GO dan FR.
KPI 5	Peperiksaan BAS	• 2 kali setahun	Berjaya dilaksanakan mengikut 3 feet	100%	Peperiksaan BAS mencapai sasaran dan berjaya diadakan pada bulan Disember 2012, dan pengumuman markah dijangka akan diadakan pada bulan Januari 2013.
JUMLAH % PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN				84.2%	

Bahagian Pentadbiran dan Keanggotaan Latihan

Bahagian Pentadbiran dan Keanggotaan Latihan

Bahagian pentadbiran dan keanggotaan Latihan telah **berjaya** mencapai

100% bagi KPI yang telah ditetapkan akan tetapi

sedikit tersasar daripada sasaran 3 feet.

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 1	Menyediakan Garispandu Pengambilan Pekerja Hari bagi peruntukan berulang-ulang	Garispandu selesai pada April 2012.	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	100%	Ia telah diedarkan melalui surat pemberitahuan.
KPI 2	Mengemaskini Buku Garis Panduan Latihan Dalam Perkhidmatan Luar Negeri	Buku Garispandu n selesai pada September 2012.	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet.	100%	Buku garispanduan LDP selesai dikemaskinkan.
KPI 3	Mengadakan jerayawara bagi pengambilan pekerja bergaji hari, penetapan jawatan dan sokongan berkhidmat secara open vote.	Selesai pada Julai 2012.	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	100%	Jerayawara telah diadakan pada bulan Januari 2013.
KPI 4	Penyediaan Kertas Kerja Pusat Sumber Maklumat JPA	Selesai pada November 2012	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	100%	Penyediaan kertas kerja bagi penubuhan pusat sumber maklumat telah selesai dan akan diserahkan kepada Unit Hal Ehwal Korporat (UK) bagi penubuhannya.
JUMLAH % PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI BAHAGIAN KEANGGOTAAN DAN PENTADBIRAN LATIHAN				100%	

Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan

Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan

93.2% telah dicapai bagi Bahagian

Penyelidikan dan Perancangan pada tahun 2012 yang mana **3** KPI yang telah **berjaya** dilaksanakan mengikut **sasaran 3 feet** iaitu:

- *Skim Perkhidmatan ,*
- *Restructuring,*
- *Menyediakan garis panduan untuk Rancangan Penggantian'*

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 1	Skim perkhidmatan	20 kertas kerja	Berjaya dilaksanakan dan melebihi daripada sasaran kerja KPI.	119.8%	Pencapaian adalah melebihi dari sasaran dimana sebanyak 22 kertas kerja telah dibincangkan sepanjang tahun (<i>as at 22 Disember 2012</i>)
KPI 2	Tanggungaji dan Syarat Perkhidmatan	8 kertas kerja	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet.	104.2%	Sebanyak tujuh (7) kertas kerja telah dibincangkan dan tesar dari sasaran 3 feet disebabkan faktor di luar kawalan BPP seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Menunggu maklumat daripada Kementerian / Jabatan - Menunggu maklum balas daripada pihak atasan. - Perbincangan kertas kerja adalah mengikut Keutamaan dan hal hal lain diluar kawalan BPP.

Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 3	Dasar baru	2 Kertas Kerja	Belum selesai dilaksanakan	50%	Kertas kerja bagi dasar baru itu telah dipersetujui untuk dilaksanakan sebagai 'long term plan'
KPI 4	Restructuring	4 kertas kerja	Berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet dan melebihi daripada sasaran KPI (<i>overachieved</i>).	162.5%	4 Kertas kerja telah selesai dibincangkan dan tambahan 1 kertas kerja iaitu Kertas Kerja MIPR telah di teliti dan bincangkan dan telah dihadapkan pada 13 Nov 2012.
KPI 5	Menyediakan sebanyak 3 laporan audit tenaga manusia	3 Laporan Audit	Berjaya dilaksanakan tetapi Tersasar dari sasaran 3 feet	22.6%	Pengauditan terhadap 3 agensi kerajaan adalah sedikit tersasar daripada sasaran pelan 3 feet disebabkan faktor-faktor luaran yang dihadapi oleh BPP iaitu : <ul style="list-style-type: none"> - kekurangan tenaga manusia di BPP (Unit Audit) - pegawai dan kakitangan di agensi berkenaan terpaksa diluar bertugas diluar pejabat disebabkan oleh acara-acara tertentu.
KPI 6	Menyediakan garis panduan untuk Rancangan Penggantian	Penyediaan Garispandu Rancangan Penggantian	Berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet	100%	Garis panduan bagi Rancangan Penggantian telah siap disediakan dan telah dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JPPA) dan akan dibawa ke tahun 2013.
JUMLAH % PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN				93.2%	

Bahagian Perkhidmatan Personnel

Bahagian Perkhidmatan Personnel

80.6% Pencapaian telah dapat diperolehi oleh

Bahagian Perkhidmatan Personnel, dimana sebanyak **3** KPI telah **berjaya**

dilaksanakan tetapi **sedikit tersasar** daripada sasaran 3 feet iaitu:

- *Menyediakan panduan tatatertib*
- *Menyediakan panduan tatatertib*
- *Mengadakan Jeryawara bagi bahagian personel*

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 1	Menyediakan satu kertas kerja bagi cadangan menamatkan perkhidmatan.	Satu kertas kerja.	Belum selesai dilaksanakan.	60%	Penyediaan satu kertas kerja bagi menamatkan perkhidmatan sedikit tersasar dengan pencapaian 60% disebabkan pegawai yang mengendalikannya berpindah ke bahagian lain. Antara usaha yang dibuat adalah membuat borang untuk menamatkan perkhidmatan bagi memudahkan memberikan kebenaran dengan adanya pengesahan-pengesahan dari borang tersebut
KPI 2	Mengisi semua flat kerajaan yang kosong	Sebanyak 101 unit	Belum selesai dilaksanakan	42.9%	Hanya 20 buah unit yang dapat diisikan dan ia adalah tersasar daripada sasaran yang telah ditetapkan. Antara faktor yang menyebabkannya ialah faktor diluar kawalan Bahagian tersebut kerana ia bergantung kepada pihak Jabatan Kerja Raya, (JKR) dalam proses pengubahsuaian/keselesaian untuk didiami.

Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 3	Menyediakan Panduan Tatatertib	Satu buku panduan tatatertib	Berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.	100%	Penyediaan buku panduan tatatertib sudah dibukukan.
KPI 4	Menyediakan satu buku panduan manual perumahan	Satu buku panduan manual perumahan	Berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.	100%	Penyediaan buku panduan manual perumahan sudah disediakan akan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.
KPI 5	Mengadakan Jerayawara bagi bahagian personel	Sebanyak 12 sesi bagi bulan disember 2012	Berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.	100%	Jerayawara berjaya diadakan sebanyak bermula dari bulan Mac sehingga Disember 2012, iaitu sebanyak 10 sesi, manakala persediaannya mengambil masa 2 bulan bermula dari awal tahun tersebut.
JUMLAH % PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERSONNEL				80.6%	

Bahagian Perkhidmatan Kaunseling

Bahagian Perkhidmatan Kaunseling

80.1% pencapaian bagi

Bahagian Perkhidmatan Kaunseling.

Terdapat **2** KPI telah **Berjaya** dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet manakala

1 KPI dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet iaitu:

- *Mengadakan jerayawara bagi warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selesai pada bulan April 2012*
- *Pelaksanaan Program Al- Insyirah pada bulan Julai 2012*

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
KPI 1	Mengadakan jerayawara bagi warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).	Selesai pada April 2012	Berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet.	100%	Program ini berjaya dilaksanakan dan selesai pada bulan April 2012.
KPI 2	Menyertai Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) peringkat JPM	Selesai pada Mei 2012	Belum selesai dilaksanakan dan tersasar dari sasaran 3 feet	62.9%	Tersasar daripada sasaran 3 feet disebabkan oleh kekurangan data.
KPI 3	Menjalankan Program Al-Insyirah sebanyak 1 kali	Selesai pada Julai 2012	Berjaya dilaksanakan mengikut sasaran 3 feet.	100%	Program ini berjaya dilaksanakan dan selesai pada Julai 2012.
KPI 4	Menulis artikel mengenai isu-isu di tempat kerja untuk dicetak di suratkhbar sebanyak 4 kali.	Selesai pada Disember 2012	Belum selesai dilaksanakan dan tersasar dari sasaran 3 feet	37.5%	KP ini tersasar daripada sasaran 3 feet disebabkan ketiadaan artikel yang bersesuaian/ relevan untuk di cetak disurat

Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	SASARAN KPI	STATUS PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	ULASAN
					khabar.
KPI 5	Menyediakan kertas konsep 'revitalizing BPK structure'	Selesai pada Mei 2012	Berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet.	100%	Programini berjaya dilaksanakan tetapi tersasar daripada sasaran 3 feet yang mana ia selesai pada bulan Jun 2012.
JUMLAH % PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING				80.1%	

Bahagian Government Employees Management System (GEMS)

Bahagian Government Employees Management System (GEMS)

73.3% telah dapat dicapai sepanjang tahun

2012

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	Sasaran Kerja	Tahap Peratus	Pencapaian Kerja
1	Isu Kesediaan Infrastruktur	Memantau agensi-agensi kerajaan yang telah disambungkan dengan EG-Bandwidth untuk dikemaskini dalam senarai Unit Teknikal dan memaklumkan Unit Change Management bagi persediaan pengenalan GEMS kepada agensi tersebut Sasaran Tamat : Disember 2012	100%	
2	Mengadakan latihan secara hands-on., bagi meningkatkan pengetahuan tentang penggunaan GEMS	Latihan semula dijalankan secara berterusan mengambil kira ianya berhubungkait dengan kesediaan infrastruktur : connectivity dan juga keperluan Kementerian/Jabatan dari masa ke semasa.	100%	Latihan dan khidmat bantu di berikan kepada Kementerian Perhubungan, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Penerangan (diatas permintaan)
3	Role Mapping	Keterangan lengkap mengenai Role Mapping kepada Kementerian/Jabatan mengikut keperluan.	100%	Jabatan Pendidikan Ko-kurikulum dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah diberi salinan keterangan mengenai dengan role mapping dalam versi melayu melalui memorandum.
4a	Sistem Persendirian (a) Kementerian /Jabatan mempunyai sistem dan pengkalan data	Memantau pengemaskinian data didalam GEMS bagi Kementerian/Jabatan. Sasaran Tarikh Tamat : Disember 2012	100%	

Public Administration Services Transformation Initiatives (PASTI) Program | 2013

KOD KPI	KEY PERFORMANCE INDICATORS	Sasaran Kerja	Tahap Peratus	Pencapaian Kerja
	HR sendiri: pengemaskinian data didalam GEMS			
4b	Sistem Persendirian (b) Kementerian /Jabatan mempunyai sistem dan pengkalan data HR sendiri: memohon integrasi dengan GEMS	Integrasi sistem GEMS dan sistem persendirian Kementerian/Jabatan berkenaan. Sasaran Tarikh Tamat : Disember 2012	0%	Tidak ada menerima susulan samada agensi berkenaan mahu meneruskan sistem integrasi yang dimaksudkan.
5	Reporting to	Keterangan lengkap mengenai Reporting to kepada Kementerian/Jabatan mengikut keperluan. Sasaran Tarikh Tamat : Disember 2012	100%	Jabatan Pendidikan Ko-kurikulum dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah diberi salinan keterangan mengenai dengan reporting to dalam versi melayu melalui memorandum.
6	Kempen 'Use GEMS day'	Mengadakan kempen bagi memberikan khidmat bantuan kepada pengguna dalam menggunakan hal ehwal GEMS.	0%	
7	Data Verification	Membuat pemantauan ke atas Kementerian yang telah dijalankan projek pengesahan data.	0%	Perangkaan dijana bagi digunakan semasa Penguatkuasaan GEMS dilaksanakan Januari 2013.
8	GEMS Mobile App	Membuat percubaan secara langsung bagi memastikan kesinambungan sistem GEMS dengan aplikasi mobile (Android).	100%	Perkara-perkara yang diperiksa (fasa I) :- i. Bahasa Melayu ii. Aliran kerja
9	Penguatkuasaan Penggunaan GEMS	Menjana perangkaan peratusan penggunaan GEMS di Kementerian/Jabatan yang sudah menggunakan GEMS (deployed).	100%	
		Mengeluarkan memo kepada Kementerian/Jabatan bagi menggesa penggunaan GEMS.	100%	
JUMLAH % PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI BAHAGIAN GEMS			73.3%	

PASTI KPI 2013

PASTI KPI 2013

Kearah mencapai visi dan misi Jabatan Perkhidmatan Awam, UPS telah mengenalpasti isu-isu yang akan dijadikan sebagai inisiatif bagi menyukat prestasi Jabatan Perkhidmatan Awam. Inisiatif- inisiatif tersebut telah didapati hasil daripada perbincangan dan pencambahan fikirandari pada setiap ketua-ketua bahagian di JPA.

Inisiatif - inisiatif yang telah dikenalpasti tersebut merupakan *key focus result area* (KFRA) yang mana adalah berdasarkan daripada tiga teras strategik utama JPA iaitu Pembangunan Pengurusan, dan Perancangan sumber manusia. Inisiatif tersebut dijadikan sebagai Key Performance Indicator bagi program PASTI bagi memastikan objektif serta fungsi utama JPA adalah sejajar dengan tema strategik.

Teras Strategik 1

*P*embangunan *S*umber *M*anusia

Teras Strategik 1 :

Pembangunan Sumber Manusia, “Untuk terus membangun dan meningkatkan, kepimpinan, kapasiti, kualiti dan kecekapan penjawat awam.”

Salah satu strategi yang telah diggariskan di dalam Wawasan Brunei 2035 ialah pembangunan institusi yang akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan urustadbir di dalam perkhidmatan awammelalui sumber tenaga manusia. Dengan mempunyai pemimpin yang berkemampuan dan berkaliber pengurusan dan pentadbiran sesebuah institusi kerajaan akan dapat mengemudi halatuju dalam mencapai objektif yang telah disasarkanselaraskan dengan Wawasan Brunei 2035. Dengan kepimpinan yang berkesan ia akan menjadikan organisasi tersebut sebuah organisasi yang produktif berteraskan kepada kualiti. Seajar dengan tema strategik Jabatan ini, program kepimpinan yang khusus adalah diperlukan untuk meningkatkan dan mengasah kemahiran yang ada padaseseorang individu. Jabatan ini akan sentiasa meneruskan dan memainkan peranan sebagai pemikir, perancang, pelaksana dan fasilitator dalam pembangunan sumber manusia dengan berkesan.

“Kepimpinan”

“Pembangunan Kapasiti”

“Kompetensi”

“Produktiviti”

Teras Strategik 1: Pembangunan Sumber Manusia

Focus Area	ST Code	Strategic Initiatives / Activities	KPI Code	Key Performance Indicators	Sasaran	Sasaran Tarikh
